

# Yayasan MyKasih beri peluang sertai bengkel sulaman

**Petaling Jaya:** Lebih 100 wanita di Lembah Klang berpeluang menyertai Bengkel Kemahiran Sulaman yang memberikan mereka peluang mempelajari seni itu sambil menambah pendapatan.

Bengkel anjuran Yayasan MyKasih dengan kerjasama jenama ManekNya itu diadakan selama lapan minggu bermula Jun sehingga September.

Ahli Majlis Penasihat Yayasan MyKasih, Datin Nazrin Aneza Nazaruddin, berkata tujuan utama bengkel itu diadakan adalah untuk menambah kemahiran dalam seni berkeanaan kepada peserta yang terdiri daripada tukang jahit dan ibu daripada komuniti B40 dan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Selain itu katanya, peserta yang bertuah akan direkrut oleh ManekNya, sekali gus membantu mereka menambah pendapatan dalam bidang itu.

Katanya, Yayasan MyKasih turut bekerjasama dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan perusahaan lain dalam merekrut peserta yang berminat dalam sulaman.

“Kemahiran sulaman yang diberikan oleh ManekNya telah membuka banyak ruang dan peluang termasuk kepada lima ibu tunggal dari SURI Lifestyle yang berjaya menggabungkan kemahiran baharu mereka pada beg dan pakaian untuk dijual sempena Pertunjukan Fesyen Langkawi.

“Selain itu, seorang ibu yang mempunyai anak istimewa, meningkatkan kemahiran jahitan baju kurung dengan menambah kemahiran teknik sulaman manik yang dipelajarinya.

“Saya percaya dan yakin, semua peserta ini akan menggunakan sebaik-baik kemahiran diperoleh di dalam bengkel yang diadakan kerana peluang mempelajari teknik ini tidak selalu ada,” katanya selepas menyempurnakan Pameran ‘Embroidered Memories: Tracing Heritage Across 3 Generations’ oleh artis ManekNya di Galeri Joy Art di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, pihaknya berbangga dengan inisiatif ManekNya untuk terus memelihara warisan, kebanggaan dan identiti negara dalam seni su-



*Nazrin Aneza menyempurnakan Pameran ‘Embroidered Memories: Tracing Heritage Across 3 Generations’ oleh artis ManekNya di Galeri Joy Art, Petaling Jaya, baru-baru ini.*  
(Foto Tuty Haryanti Ahmad Rodzi/BH)

laman manik, termasuk dalam usaha menyampaikan kemahiran itu kepada orang ramai.

Katanya, usaha ManekNya bukan setakat itu sahaja, malah mereka berjaya mengubah bahan mental menjadi ciptaan luar biasa bukan sahaja dalam jahitan tetapi karya yang tampil dengan cerita, tradisi dan inovasi.

nan, namun tahu akan potensi mereka yang sentiasa mahu berusaha.

Sulan itu, pilahnya tampil dengan program utama yayasan itu iaitu pengagihan bantuan tanpa tunai melalui MyKad kepada penerima yang layak.

Malah katanya, banyak badan korporat dan organisasi turut mendapat manfaat daripada sistem tanpa tunai yang diperkenalkan yayasan itu dalam projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) diadakan.

“Sistem ini juga sudah banyak digunakan oleh kerajaan, termasuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), kerajaan Johor dan Sarawak serta Lembaga Zakat Selangor, Melaka dan Pulau Pinang.

“Sehingga kini Yayasan MyKasih sudah membantu lebih 1.3 juta keluarga dan pelajar di seluruh negara dengan memberikan pelbagai jenis bantuan, termasuk makanan, sokongan pendidikan serta peluang dalam bentuk inisiatif untuk menjana pendapatan sara hidup,” katanya.

“Kami di Yayasan MyKasih sentiasa berharap lebih ramai pihak tampil bekerjasama sekali gus membantu memberikan manfaat kepada ramai golongan yang memerlukan,” katanya.

Nazrin Aneza berkata, Yayasan MyKasih ditubuhkan sejak 16 tahun lalu, selepas tersentuh dengan nasib keluarga yang hidup dalam kemiski-